

**UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR**

16. Tiap-tiap seseorang warganegara yang berumur 21 tahun atau lebih yang bermastautin di dalam negeri ini adalah lulus boleh menjadi seorang ahli Dewan Negeri dikecualikan jika ia tertegah daripada menjadi seorang ahli yang tersebut itu oleh perlembagaan persekutuan atau oleh undang-undang tubuh ini atau oleh sebarang undang-undang sebagaimana yang disebutkan di dalam Fasal 17.
17. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat bagi Fasal ini maka seseorang itu adalah tertegah daripada menjadi seorang ahli Dewan Negeri sekiranya:
- (a) ia adalah seorang yang telah didapati atau yang telah dimasyhurkan sebagai seorang yang tiada sempurna akal nya;
  - (b) ia adalah seorang yang masih mufliis;
  - (c) ia memegang suatu jawatan yang bergaji;
  - (d) setelah ia dilantik menjadi calon di dalam pemilihan bagi salah satu Dewan Parlimen atau bagi Dewan Negeri atau setelah ia menjadi seorang wakil pemilihan kepada seorang yang telah dilantik menjadi calon itu maka ia tiada menghantarkan sebarang penyata berkenaan dengan belanja-belanja pemilihan yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan kaedah yang dikehendaki itu.

- (e) ia telah didapati salah oleh sebuah mahkamah undang-undang di dalam persekutuan dan telah dihukum penjara selama tidak kurang daripada setahun atau denda yang tidak kurang daripada RM2,000.00 dan tidak mendapat ampun.
- (f) ia adalah tertegah oleh sebarang undang-undang yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang berkait dengan pemilihan-pemilihan bagi salah satu Dewan Parlimen atau bagi Dewan Negeri dengan sebab ia telah dihukum kerana melakukan kesalahan yang tersebut itu atau di dalam perbicaraannya yang berkenaan dengan pemilihan yang tersebut itu ia telah didapati salah kerana melakukan suatu perbuatan yang boleh disifatkan sebagai satu kesalahan seperti yang tersebut itu; atau
- (g) ia telah mengambil dengan sukarelanya akan kewarganegaraan negeri asing atau menggunakan hak kewarganegaraannya di dalam negeri asing atau mengaku taat setianya kepada negeri asing.

(2) Tegahan-tegahan yang dikenakan ke atas seorang di bawah jumlah kata (d) atau jumlah kata (e) bagi pecahan Fasal (1) itu boleh dihapuskan oleh raja dan sekiranya tiada dihapuskan yang demikian itu maka tegahan-tegahan itu hendaklah hapus dengan sendirinya pada akhir tempoh 5 tahun mulai daripada tarikh penyata yang disebutkan dalam jumlah kata (d) yang tersebut itu dikehendaki dihantarkan ataupun menurutlah bagaimana halnya, daripada tarikh orang yang telah dihukum sebagaimana yang disebutkan dalam jumlah kata (e) yang tersebut itu telah dilepaskan dari tahanan atau dari tarikh denda yang disebutkan dalam jumlah kata (e) yang tersebut itu telah dikenakan ke atas orang yang tersebut itu dan seorang itu tidak boleh tertegah di bawah jumlah

kata (f) bagi pecahan Fasal (1) itu yang semata-mata dengan sebab suatu perbuatan yang telah dilakukan olehnya pada masa sebelum ia menjadi seorang warganegara.

18. Seorang itu tiada boleh pada satu-satu masa itu menjadi seorang ahli Dewan Negeri bagi lebih daripada satu bahagian pemilihan.

19.(1) Jika seseorang ahli Dewan Negeri itu mati atau telah tertegah daripada menjadi ahli dewan itu maka kerusinya hendaklah menjadi kosong.

(2) Jika seseorang yang tertegah daripada menjadi ahli Dewan Negeri itu dipilih menjadi ahli dalam dewan itu atau jika sesuatu pemilihan itu adalah berlawanan dengan Fasal 17 maka pemilihan itu hendaklah disifatkan tidak sah.

(3) Jika pemilihan bagi seseorang itu akan atau harus menjadi tidak sah mengikut pecahan Fasal (2) maka lantikan kerana pemilihan itu hendaklah disifatkan tidak sah.

(4) Seseorang itu tidak sah dilantik kerana pemilihan bagi Dewan Negeri itu dengan tiada dapatkan persetujuannya.

20. Seseorang Ahli Dewan Negeri boleh berhenti daripada menjadi ahli dengan menulis surat yang ditandatangani olehnya kepada Speaker.